

i-INOVA tampil inovasi OKU

SEREMBAN 25 Jun - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia (ASM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Pendidikan akan mengadakan Program Ekspo Inovasi Islam (i-INOVA) pada 25 hingga 27 Oktober ini.

Program kali keempat yang turut mendapat kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) dan Persatuan Saintis Malaysia (Perintis) itu akan diadakan di Stadium Tertutup Nilai

dekat sini.

Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM dalam kenyataan di sini hari ini berkata, i-INOVA tahun ini mempunyai keistimewaan tersendiri sebagai platform penghasilan produk dan inovasi berlandaskan syariah untuk pasaran global selain penampilan kreativiti golongan orang kurang upaya (OKU).

“Dalam konteks OKU, Jawatankuasa Penganjur menetapkan sasaran agar produk inovasi yang di-

hasilkan dapat membantu memudahkan urusan harian dan meningkatkan produktiviti golongan OKU,” demikian menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menjelaskan, bagi membantu mengkomersialkan inovasi dan produk yang dipertandingkan, program *Business Matching* juga akan diadakan bagi mengkomersialkan produk-produk yang berpotensi dipasarkan dengan kerjasama Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM).

Dalam masa sama, tambahnya, pihak penganjur turut mengadakan pertandingan inovasi untuk pelajar sekolah iaitu Pertandingan Tunas Cipta.

“Mereka yang berminat atau ingin mengetahui maklumat lanjut boleh menghubungi urus setia i-INOVA di talian 06-7986510/6505 atau e-mel najwa@usim.edu.my; anazrul84@ussim.edu.my; asri@usim.edu.my atau kamal@usim.edu.my,” demikian menurut kenyataan itu.